

Jejak bakat tersorok

UMS pelopori pencarian bakat sukan pelajar di pedalaman

48 17/05/2012 A14

KOTA KINABALU: Bakat merupakan sesuatu keupayaan dan kebolehan yang terpendam ataupun semula jadi tanpa diketahui oleh individu itu sendiri.

Pencarian bakat di kawasan bandar sering dijalankan tetapi kurang pencarian bakat di kawasan pedalaman.

Oleh itu, Program Sains Sukan UMS telah mempelopori pencarian bakat dalam kalangan pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah kerana percaya mereka mempunyai potensi untuk diketengahkan.

Fasa pertama pencarian bakat ini dimulakan dengan kajian pengumpulan data tahap kecergasan dalam kalangan murid-murid tahap 2 dari sekolah-sekolah dalam beberapa kawasan pedalaman di Sabah.

Selain itu, kajian turut dilakukan bagi mengetahui pola penglibatan para pelajar tersebut di dalam sukan.

Antara ujian yang dilakukan adalah ujian indeks jisim, ujian ketinggian, ujian prone hold, ujian duduk dan jangkau, ujian lonjakan, ujian pecut 20 meter, ujian zigzag dan ujian balingan.

Pensyarah yang terlibat dalam kajian tersebut adalah Prof. Madya Dr. Mohamad Razali Abdullah, Mohamad Nizam Nazarudin,



ANTARA pelajar Sains Sukan UMS yang terlibat dalam program pencarian bakat sukan di kawasan pedalaman.

Pathmanathan dan Hasnol Nordin.

Kajian pertama telah berlangsung pada 28 Mac yang lalu di Kg Kapulu, Tenom.

Sebanyak 5 buah sekolah rendah dipilih yang melibatkan seramai 43 orang murid dari S.K Rundum, S.K Tilis, S.K Kolorok, S.K Semambu dan S.K Kapulu.

Seramai 6 orang pelajar dari jurusan Sains Sukan Universiti Malaysia Sabah telah terpilih untuk menjalankan pencarian

bakat tersebut.

Kajian telah diteruskan pada 1 April yang lalu di sebuah lagi kawasan pedalaman di Sabah, iaitu Pitas.

Kali ini seramai 73 orang murid tahap 2 daripada 9 buah sekolah iaitu S.K Liu, S.K Maringgal, S.K Bawing, S.K Telaga, S.K Bongkol, S.K Datong, S.K Mapan-Mapan, S.K Mangkapan dan S.K Malubang.

Pencarian bakat dalam kalangan pelajar di kawasan pedalaman dilakukan adalah kerana terdapat bukti yang menunjukkan adanya atlet-atlet dari dalam dan luar negara yang berasal dari kawasan pedalaman yang serba kekurangan namun masih mampu menjadi atlet yang berjaya di peringkat antarabangsa.

Antara atlet Malaysia yang dimaksudkan ialah Datuk Misbun Datuk Haji Mohd Sidek, beliau adalah bekas pemain badminton negara yang pernah menyandang Naib Juara Piala Dunia pada 1982.

Beliau adalah seorang

anak kampung yang lahir di Kampung Kanchong Darat, Banting, Selangor namun beliau mampu berjaya di persada dunia.

Manakala, antara atlet luar negara yang berjaya adalah Diego Armando Maradona yang lebih dikenali sebagai 'Hand God'.

Beliau merupakan bekas pemain bola sepak negara Argentina yang telah menerima anugerah 'Pemain Terbaik Abad Ini' pada 2001 yang diiktiraf oleh FIFA.

Maradona datang daripada keluarga miskin yang tinggal jauh dari kota.

Sepanjang kajian berlangsung, pengumpulan data awal mendapati pelajar-pelajar dari kawasan pedalaman sebenarnya berpotensi untuk berjaya dalam sukan dan turut mempunyai tahap kecergasan yang tinggi walaupun mereka kekurangan dari segi alatan dan jurulatih.

Pencarian bakat ini seterusnya akan dijalankan pada 17 Mei sehingga 20 Mei akan datang di daerah Tongod.



PELAJAR Sains Sukan UMS melakukan ujian ketinggian terhadap para peserta.